

Jejaka gay hilang kawan kuliah

Risau masuk perangkap sendiri

kaumnya: Patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun daripada penduduk alam ini sebelum kamu?

Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu syahwat kamu dengan meninggalkan perempuan, bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas." (Surah al-A'raf, ayat 80 dan 81)

Perhubungan adik dan pasangan jelas sekali berdosa dari segi agama. Apa yang berlaku dalam kehidupan manusia sering kali diakibatkan oleh perbuatan sendiri. Dalam permasalahan adik, apa yang berlaku dalam kehidupan adalah pilihan hidup sendiri.

Dari beberapa aspek seperti seksual, kewangan dan emosi, pasangan adik dilihat dapat memenuhi keinginan seks, kewangan dan kesejahteraan hidup diri adik.

Sementara dari aspek lain pula, sekiranya adik tidak menghalang diri untuk menerima pasangan memasuki ruang hidup adik, tiada siapa yang menentukan kecuali diri sendiri.

Dr akui untuk meninggalkan seorang yang dapat memenuhi beberapa kepuasan diri bukanlah mudah.

Adik kena banyak berkorban. Antaranya adik

perlu menerima kenyataan untuk kehilangan elemen keseronokan dan keistimewaan yang dikecapi bersama-sama pasangan adik itu.

Malah, adik juga tidak perlu bergantung kepada orang lain untuk hidup selesa. Semuanya atas usaha keras sendiri.

Adik juga perlu memikirkan cara untuk tidak mengabaikan pelajaran. Pelajaran dan kawan adalah dua elemen penting dalam kehidupan.

Jika diabaikan kedua-dua perkara ini, adik akan kehilangan banyak hikmah dalam kehidupan.

Hubungan songsang adik dan pasangan adalah hubungan terlarang di sisi agama. Kesan hubungan terlarang ini adalah merosakkan institusi kekeluargaan.

Sebarang keputusan yang adik ambil perlu memikirkan akibat perbuatan dari segi tuntutan agama dan juga kebaikan diri.

Faktor lain seperti prestasi dalam pelajaran, hubungan dengan kawan sekuliah, kesediaan mempunyai keluarga seperti anak dan pandangan negatif masyarakat terhadap perhubungan songsang ini juga perlu diambil kira dalam membuat keputusan.

KAUNSELING REMAJA

Prof Madya Datin
Dr Sapora Sipon
rencana@hmetro.com.my

? Saya siswa institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan seorang gay. Saya mempunyai pasangan yang ingin menjalin hubungan serius de-

ngan saya, tapi agak keberatan kerana niat saya hanyalah untuk memuaskan nafsu saja.

Namun, saya terhutang budi kepada pasangan kerana dia banyak menghabiskan wang untuk saya.

Pelajaran saya juga merosot sejak berkenalan dengan si dia kerana kini kurang mengadakan perbincangan dengan kawan sekuliah.

Saya juga semakin hilang kawan. Tolonglah saya Dr. Apa yang harus saya lakukan? Saya sudah masuk ke dalam perangkap yang saya buat sendiri.

MAHU BEBAS,
Perak

! Amalan seks secara songsang diharamkan dalam agama. Contohnya

ayat al-Quran menceritakan mengenai umat Nabi Lut (juga dikenali sebagai Bani Sodom) yang dibinasakan dengan kemurkaan Allah kerana terbabit dalam tindakan homoseksual.

Perbuatan seks sejenis ini dikeji dan dihina Allah, sebagaimana firman-Nya bermaksud: "Dan Nabi Lut juga (Kami utuskan). Ingatlah ketika ia berkata kepada

Adik angkat takut luah perasaan

? Dr, saya menghadapi masalah dengan abang angkat. Masalah saya ialah takut untuk meluahkan perasaan cinta kepada abang angkat kerana takut perasaan ditolak.

Abang angkat adalah insan yang kerap berada di samping saya. Hubungan kami bermula sebagai adik dan abang angkat, tapi kini bertukar menjadi perasaan sayang.

Ramai kawan saya mengatakan dia bukan lelaki baik. Atas dasar sayang, saya menerima dia seadanya kerana sedar tidak semua orang sempurna.

Saya akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun ini. Saya memerlukan saranan daripada Dr supaya lebih fokus dalam pelajaran. Tolonglah saya Dr.

ADIK MALU,
Negeri Sembilan

! Mengurus perasaan adalah penting supaya tidak mengganggu persiapan adik dalam SPM nanti.

Perasaan yang dilahirkan terhadap abang angkat kelak akan memberitahu hala tuju perhubungan yang selama ini dianggap sebagai perhubungan adik dan abang.

Bagaimanapun, ia perlu dilakukan secara berhati-hati supaya adik tidak seperti 'hidung tak mancung, pipi tersorong-sorong'.

Risiko memang wujud apabila meluahkan perasaan cinta atau suka kepada seseorang.

Begini juga perasaan takut dilukai banyak datang daripada ketakutan diri sendiri dan boleh menjejaskan perhubungan murni yang terjalin.

Jika adik menyayangi seseorang, adik perlu menghormati apa saja keputusan yang diambil terhadap diri adik.

Contohnya, jika abang angkat adik menofak pera-

saan adik, hubungan sebagai adik dan abang masih lagi boleh diteruskan.

Penolakan perasaan terhadap adik juga tidak bermakna dia tidak suka kepada adik. Mungkin dia menginginkan corak perhubungan sebagai abang dan adik, bukan sebagai kekasih.

Apabila adik sudah dapat menerima diri abang angkat itu seadanya, ia akan lebih memudahkan perhubungan adik berdua sama ada sebagai kekasih atau abang dengan adik angkat.

Apa pun jenis perhubungan yang akan dijalinakan, perlu berhati-hati agar tidak menjejaskan peranan adik sebagai pelajar.

